



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

28 NOVEMBER 2025 (JUMAAT)

Yong Cadang Vaksinasi Antirabies Mandatori untuk Kucing Peliharaan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Sarawak	Dalam Talian	26 Nov



Yong semasa membahas RUU Perbekalan (Belanjawan) Sarawak 2026 pada Persidangan DUN hari ini.

KUCHING: Violet Yong (DAP-Pending) mencadangkan vaksinasi vaksin antirabies untuk kucing peliharaan dijadikan mandatori di Sarawak.

Menurutnya negara seperti Jepun dan kebanyakan negara Barat katanya, telah berjaya membasmi rabies melalui vaksinasi haiwan peliharaan secara mandatori.

"Sarawak mesti melakukan perkara sama. Data jelas menunjukkan kini, kucing menjadi sumber utama

insiden gigitan. Terus memberi tumpuan hanya kepada anjing, adalah pendekatan lapuk serta tidak berkesan.

"Oleh itu, saya menggesa kerajaan negeri memperluaskan strategi rabiesnya dengan segera dan menjadikan vaksinasi kucing secara mandatori sebagai komponen teras antirabies Sarawak," katanya ketika membahas Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) Sarawak 2026 di Persidangan DUN, hari ini.

Beliau menambah, membanteras atau mengakhiri ancaman rabies memerlukan tindakan bukan mengulangi pendekatan lama.

Yong juga mencadangkan Unit Pendidikan Antirabies Awam diwujudkan di negeri ini, khusus untuk memberi kesedaran masyarakat mengenai bahawanya penyakit itu serta langkah-langkah pencegahannya.

"Kerajaan negeri mesti segera memperkukuhkan usaha mendidik masyarakat mengenai rabies.

"Saya menyeru ditubuhkan Unit Pendidikan Antirabies Awam khusus memberi tumpuan kepada kesedaran masyarakat, tindak balas betul selepas digigit, bertanggungjawab untuk memvaksin haiwan peliharaan mereka.

"Unit ini boleh diwujudkan sama ada di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak atau Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan," katanya.

Menurutnya, selepas lapan tahun Sarawak berusaha memerangi rabies dan lebih 80 kematian dalam kalangan manusia direkodkan, Sarawak masih kekurangan strategi menyeluruh yang berkesan.

"Rabies penyakit yang boleh membawa maut tetapi dapat dicegah sepenuhnya jika langkah pasca pendedahan diambil segera.

"Membasuh luka selama 15 minit, menerima HRIG (Human Rabies Immune Globulin) dan melengkapkan keseluruhan siri vaksin.

"Namun kesedaran awam mengenai perkara ini masih pada tahap yang amat rendah," katanya.

Yong menambah, jika selepas lapan tahun, satu tempoh yang panjang, Sarawak masih gagal mengawal rabies, maka perlu diperakui, agensi negeri yang bertanggungjawab sedang bergelut serta memerlukan bantuan kepakaran luar.

"Kita mesti mengelak kehilangan lebih banyak nyawa akibat penyakit yang sudah pun kita tahu cara-cara mencegah," ujarnya.-

[UTUSANBORNEO](#)

65 Penternak Terengganu Terima 128 Lembu Baka Premium Bernilai RM2 Juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TRDI	Penternakan	Dalam Talian	27 Nov



KUALA NERUS, 26 November – Kerajaan Terengganu terus memacu peningkatan populasi ternakan berkualiti tinggi apabila memperuntukkan RM2 juta bagi membawa masuk 117 induk betina dan 11 pejantan baka Brahman dan Limousine dari Australia, sebelum diagihkan kepada 65 penternak terpilih di seluruh negeri sebagai langkah strategik memperkukuh industri ruminan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani

Dan Keterjaminan Makanan Dan Komoditi negeri, Dato' Dr. Azman Ibrahim berkata, inisiatif ini memberi tumpuan kepada pembiakan baka premium yang lebih produktif dan tahan lasak.

"Kita mula agihkan lembu induk dan pejantan dari baka Brahman dan Limousine yang dibawa masuk dari Australia sebulan lalu.


"Semua ternakan telah selesai melalui proses kuarantin dan pemeriksaan sebelum diagihkan kepada penternak yang lulus tapisan

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas Program Penyerahan Bantuan Input Penternakan dan Program Peningkatan Populasi Ternakan Ruminan Tahun 2025, di Kampung Banggol Nyior, di sini semalam.

ditempatkan kepada penternak yang benar-benar mampu menguruskan baka tersebut secara berterusan.

"Ada penternak terima dua induk betina Brahman, ada yang terima induk pejantan seekor dan betina seekor, manakala sebahagian lagi menerima baka Limousine.



Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tepoh, Hishamuddin Abdul Karim; Pegawai Daerah Kuala Nerus, Ahmad Azizi Zulkifli; Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu, Dr. Anun Man.

Beliau berkata pemilihan dibuat secara teliti bagi memastikan ternakan

"Itu antara pakej yang kita sediakan bagi memastikan pembiakan berlaku secara sistematik dan memberi pulangan kepada industri penternakan negeri," jelasnya.

Dato' Dr. Azman turut menegaskan bahawa ternakan yang dibawa masuk adalah induk berkualiti yang telah disahkan bunting bagi mempercepatkan peningkatan populasi ternakan ruminan negeri.



"Induk yang kita beli ini disahkan Pregnant Tested In Calf (PTIC) bagi memastikan proses pembiakan dapat bermula lebih awal.

"Kita beli lembu ini bukan untuk kerajaan bela, tetapi untuk memastikan penternak dapat melahirkan lebih banyak baka berkualiti di Terengganu," ujarnya.-[TRDI](#)

MTL: KPKM Aktifkan Bilik Gerakan Bencana

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Tribune	Berita Semasa	Dalam Talian	27 Nov



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KPKM

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengaktifkan Bilik Gerakan Bencana serta menggerakkan operasi di semua peringkat bagi membantu petani, peladang, penternak dan nelayan yang terjejas akibat banjir di Kelantan, Perlis, Perak, Kedah, Terengganu dan Selangor.

Menurut KPKM dalam satu kenyataan, pengaktifan itu selaras dengan laporan Jabatan Meteorologi Malaysia

(MetMalaysia) yang meramalkan ketibaan Monsun Timur Laut (MTL) pada 13 November lalu hingga Mac tahun depan, dengan jangkaan hujan lebat di beberapa negeri yang berpotensi menyebabkan banjir.

“Sehubungan itu, KPKM telah menggerakkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana KPKM di peringkat daerah dan negeri serta mengaktifkan Bilik Gerakan Bencana di peringkat pusat, negeri dan daerah.

“Bilik Gerakan Bencana KPKM di peringkat negeri dan daerah kini sedang memantau keadaan cuaca secara berterusan, membuat hebahan awal kepada golongan sasaran serta melaksanakan pelan mitigasi bagi mengurangkan kerugian sektor agromakanan negara sepanjang tempoh bencana,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Dalam pada itu katanya, mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana KPKM yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Seri Isham Ishak yang turut dihadiri oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah bersetuju KPKM akan memberikan kerjasama penuh dalam membantu NADMA menyalurkan kit bantuan banjir melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta menggerakkan jentera bantuan banjir melalui Jabatan Pertanian (DOA).

Katanya, kerjasama itu turut akan diperluas dengan penglibatan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

“NADMA juga akan menyalurkan maklumat

bencana terkini kepada KPKM melalui Bilik Gerakan Bencana KPKM.

“KPKM sentiasa berada dalam keadaan siap siaga dan bersedia menggerakkan asetaset bagi membantu usaha menyelamatkan mangsa banjir sekiranya diperlukan, tertakluk kepada kebenaran daripada NADMA.

“Selain itu, KPKM turut menyediakan bantuan pasca bencana kepada mereka yang terkesan melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) untuk tanaman padi dan Tabung Bencana Pertanian (TBP) bagi aktiviti agromakanan, sebagai usaha membantu petani, penternak dan nelayan yang memerlukan bantuan segera,” katanya.

Sementara itu orang ramai boleh menghubungi Bilik Gerakan Bencana KPKM di talian 03-8870 1663 / 1664 / 1491 atau Bilik Gerakan Negeri untuk mendapatkan maklumat lanjut.-

[MALAYSIATRIBUNE](#)

Banjir: KPKM Aktifkan Bilik Gerakan Bencana Bantu Petani, Penternak, dan Nelayan Terjejas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	AM	Dalam Talian	27 Nov



Gambar Hiasan

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengaktifkan Bilik Gerakan Bencana serta menggerakkan operasi di semua peringkat bagi membantu petani, peladang, penternak dan nelayan yang terjejas akibat banjir di Kelantan, Perlis, Perak, Kedah, Terengganu dan Selangor.

Menurut KPKM dalam satu kenyataan, pengaktifan itu selaras dengan laporan Jabatan Meteorologi Malaysia

(MetMalaysia) yang meramalkan ketibaan Monsun Timur Laut (MTL) pada 13 November lalu hingga Mac tahun depan, dengan jangkaan hujan lebat di beberapa negeri yang berpotensi menyebabkan banjir.

“Sehubungan itu, KPKM telah menggerakkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana KPKM di peringkat daerah dan negeri serta mengaktifkan Bilik Gerakan Bencana di peringkat pusat, negeri dan daerah.

“Bilik Gerakan Bencana KPKM di peringkat negeri dan daerah kini sedang memantau keadaan cuaca secara berterusan, membuat hebahan awal kepada golongan sasaran serta melaksanakan pelan mitigasi bagi mengurangkan kerugian sektor agromakanan negara sepanjang tempoh bencana,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Dalam pada itu katanya, mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana KPKM yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Seri Isham Ishak yang turut dihadiri oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah bersetuju KPKM akan memberikan kerjasama penuh dalam membantu NADMA menyalurkan kit bantuan banjir melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta menggerakkan jentera bantuan banjir melalui Jabatan Pertanian (DOA).

Katanya, kerjasama itu turut akan diperluas dengan penglibatan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

“NADMA juga akan menyalurkan maklumat

bencana terkini kepada KPKM melalui Bilik Gerakan Bencana KPKM.

“KPKM sentiasa berada dalam keadaan siap siaga dan bersedia menggerakkan asetaset bagi membantu usaha menyelamatkan mangsa banjir sekiranya diperlukan, tertakluk kepada kebenaran daripada NADMA.

“Selain itu, KPKM turut menyediakan bantuan pasca bencana kepada mereka yang terkesan melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) untuk tanaman padi dan Tabung Bencana Pertanian (TBP) bagi aktiviti agromakanan, sebagai usaha membantu petani, penternak dan nelayan yang memerlukan bantuan segera,” katanya.

Sementara itu orang ramai boleh menghubungi Bilik Gerakan Bencana KPKM di talian 03-8870 1663 / 1664 / 1491 atau Bilik Gerakan Negeri untuk mendapatkan maklumat lanjut.-[BERNAMA](#)

Efforts to Boost Sabah's Chicken Sector Continue			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Newswav	News	Dalam Talian	27 Nov



MPC Sabah Regional Director, Edward Binty, said the programme not only widens farmers' knowledge but also helps them adopt new technologies in the industry.

KENINGAU: The Programme to Enhance Broiler Chicken Farming Productivity and Food Security in Sabah Through Targeted Capacity Building continued at the Sebrang Ruminant Farm here, with participation from broiler chicken farmers around the district.

Organised by the Malaysia Productivity Corporation (MPC) Sabah Region in collaboration with the Sabah Department of Veterinary Services (DVS Sabah), the initiative is a strategic effort

aimed at strengthening the value chain of the broiler chicken farming industry in the state.

Through targeted capacity building, participants are exposed to improved technical skills, commercial knowledge, and modern practices in broiler chicken farming.

This training series marks the third session following earlier programmes in Kota Kinabalu and Beaufort, bringing the total number of

beneficiaries to 120 broiler farmers.

According to DVS Sabah, applications for participation have been highly encouraging, but only small-scale farmers with basic experience were selected to ensure more effective programme outcomes.

The initiative aims to enhance the productivity of small-scale farmers, enabling them to transition to medium-scale operations in the future.

MPC Sabah Regional Director, Edward Binty, said the programme not only widens farmers' knowledge but also helps them adopt new technologies in the industry.

"Productivity is no longer an option—it is a necessity to ensure the livestock industry remains sustainable and competitive. MPC is committed to empowering farmers in Sabah to improve operational efficiency and produce higher-quality livestock," he said.

He added that the close cooperation between MPC Sabah and DVS Sabah is a proactive step in supporting both state and national food security agendas, in line with the Sabah government's efforts to strengthen the

agro-food sector through the Sabah Maju Jaya (SMJ) development plan.

The programme is expected to generate positive impacts, including improved productivity among farmers, stable local chicken prices, and more substantial contributions to the state's economy.

It is also hoped that this platform will become a continuous means of strengthening rural farming communities, while ensuring a stable, high-quality, and sufficient food supply for the people of Sabah.-

[DAILYEXPRESS](#)

KPKM Aktifkan Bilik Gerakan Bencana Bantu Petani, Penternak dan Nelayan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Nasional	Dalam Talian	27 Nov



Para nelayan orang asli membawa naik hasil laut selepas mencari rezeki untuk di jual kepada para pelanggan ketika tinjauan lensa Malaysia Gazette di Pasar Pagi Orang Asli, Bakar Batu, Johor Bahru. Foto MUHD NA'IM, 02 OGOS 2023.

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengaktifkan Bilik Gerakan Bencana KPKM serta menggerakkan operasi di semua peringkat bagi membantu petani, peladang, penternak dan nelayan yang terjejas akibat banjir di beberapa negeri, termasuk Kelantan, Perlis, Perak, Kedah, Terengganu dan Selangor.

Pengaktifan ini selaras dengan laporan Jabatan Meteorologi Malaysia

(MetMalaysia) yang meramalkan ketibaan Monsun Timur Laut (MTL) pada 13 November 2025 hingga Mac 2026, dengan jangkaan hujan lebat di beberapa negeri yang berpotensi menyebabkan banjir.

Sehubungan itu, KPKM telah menggerakkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana KPKM di peringkat daerah dan negeri serta mengaktifkan Bilik Gerakan Bencana di peringkat pusat, negeri dan daerah.

Bilik Gerakan Bencana KPKM di peringkat negeri dan daerah kini sedang memantau keadaan cuaca secara berterusan, membuat hebahan awal kepada golongan sasaran serta melaksanakan pelan mitigasi bagi mengurangkan kerugian sektor agromakanan negara sepanjang tempoh bencana.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana KPKM yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Seri Isham Ishak, Ketua Setiausaha turut dihadiri oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang bersetuju memberikan kerjasama penuh dalam menyalurkan kit bantuan banjir melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta menggerakkan jentera bantuan banjir melalui Jabatan Pertanian.

Kerjasama ini turut akan diperluas dengan penglibatan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

NADMA juga akan menyalurkan maklumat bencana terkini kepada KPKM melalui Bilik Gerakan Bencana KPKM.

dalam keadaan siap siaga dan bersedia menggerakkan aset-aset bagi membantu usaha menyelamatkan mangsa banjir sekiranya diperlukan, tertakluk kepada kebenaran daripada NADMA,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Selain itu, KPKM turut menyediakan bantuan pasca bencana kepada mereka yang terkesan melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) untuk tanaman padi dan Tabung Bencana Pertanian (TBP) bagi aktiviti agromakanan, sebagai usaha membantu petani, penternak dan nelayan yang memerlukan bantuan segera.

Orang ramai boleh menghubungi Bilik Gerakan Bencana KPKM di talian 03-8870 1663/ 1664 / 1491 atau Bilik Gerakan Negeri untuk mendapatkan maklumat lanjut. – [MALAYSIAGAZETTE](#)

“KPKM sentiasa berada

Banjir di Kelantan, Terengganu dan Perlis

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Galeri	Dalam Talian	27 Nov



Penternak, Nor Syaida Che Ibrahim, 39, memindahkan lembu ternakannya ke tempat yang lebih tinggi selepas beberapa lokasi di sekitar Bukit Payung mula dinaiki air ketika tinjauan di Kampung Tok Dir, hari ini. -UTUSAN/PUQTRA HAIRRY



Keadaan ruman penduduk yang masih digenangi air akibat hujan lebat ketika tinjauan di Kampung Surau Haji Yaakob, hari ini. UTUSAN/PUQTRA HAIRRY



Sebahagian kanak-kanak tidak melepaskan peluang bermain air banjir di Rantau Panjang. UTUSAN /KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN



Sebahagian orang ramai meredah air banjir di zon bebas cukai pintu 2, Rantau Panjang.-UTUSAN /KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN



SEORANG pemilik kedai barangan runcit, hanya mampu melihat keadaan air yang bertakung di hadapan kedainya akibat bencana banjir yang melanda di kawasan ini sejak tiga hari lalu, Kangar hari ini. UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN



BEBERAPA laluan utama yang menjadi tumpuan orang ramai ditutup manakala kedai-kedai juga terpaksa menghentikan operasi perniagaan akibat banjir sekaligus menjadikan kawasan ini hampir lumpuh daripada sebarang aktiviti di Kanger hari ini. UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Pekukuhkan Sektor Ternakan Sarawak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Suara Sarawak	Artikel	Dalam Talian	28 Nov



SARAWAK menegaskan komitmennya untuk menyelaraskan sektor makanan dan komoditi dengan piawaian antarabangsa, sekali gus mempercepat usaha menjadikan negeri ini sebagai pengeluar makanan yang bersih, berdaya saing dan mampan menjelang 2030.

Komitmen ini dizahirkan melalui lawatan rasmi Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (MFICORD), Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom, ke Wellington, New Zealand,

baru-baru ini yang membuka ruang kerjasama lebih luas dalam bidang ternakan, industri tenusu, biosekuriti dan pembangunan kapasiti veterinar.

Dalam kunjungan hormat kepada Menteri Biosekuriti dan Keselamatan Makanan New Zealand, Hon. Andrew Hoggard, kedua-dua pihak mengadakan perbincangan mendalam mengenai peluang memperkukuh hubungan strategik dalam sektor pertanian moden.

Pengusaha tenusu berpengalaman yang juga

bekas Presiden Persatuan Petani Bersekutu New Zealand, Hoggard, berkongsi pandangan tentang cara negara itu membangunkan industri tenusu dan ternakan sehingga diiktiraf sebagai antara yang paling cekap di dunia.

Beliau menekankan peranan ilmu, teknologi dan pengurusan ladang berasaskan sains sebagai tulang belakang kejayaan negara itu dalam menghasilkan produk makanan berkualiti tinggi serta mengekalkan reputasi sebagai pengeluar yang “bebas penyakit”.

Dalam pada itu, Dr Rundi dalam pertemuan tersebut menjelaskan hasrat Sarawak untuk memodenkan industri ternakan lembu melalui penggunaan teknologi pembiakan terkini, sistem kebolehesanan yang lebih mantap dan penambahbaikan terhadap operasi fi dlot.

Beliau menekankan kepentingan kerjasama teknikal dengan New Zealand bagi meningkatkan daya saing sektor ternakan Sarawak yang kini berada dalam fasa pertumbuhan pesat.

Sarawak turut merancang untuk menghantar pegawai veterinar ke New Zealand

bagi menjalani latihan profesional serta penempatan teknikal sebagai sebahagian daripada inisiatif pemindahan ilmu secara.

Usaha ini dijangka dapat memperkukuh kemahiran teknikal, meningkatkan kemampuan diagnostik penyakit haiwan serta mengukuhkan keupayaan pengurusan risiko kesihatan haiwan dalam jangka panjang.

Selain itu, Dr Rundi menyatakan minat Sarawak untuk meneroka kerjasama perniagaan dalam sektor tenusu, termasuk pembangunan industri pemprosesan, peningkatan produktiviti ladang dan potensi usaha sama dengan syarikat tenusu terkemuka New Zealand.

Memandangkan New Zealand kini menguatkuasakan larangan eksport lembu hidup atas faktor biosekuriti, Sarawak mempertimbangkan pengimportan semen lembu berkualiti tinggi sebagai alternatif untuk mempercepat pembesaran populasi ternakan tempatan serta meningkatkan kualiti baka.

Pendekatan ini bukan sahaja mampu meningkatkan tahap sara diri pengeluaran daging, malah turut memperkukuh usaha jangka panjang negeri

dalam mencapai keselamatan makanan secara menyeluruh.

Dalam aspek biosekuriti, Sarawak turut mengkaji secara serius rangka kerja pengurusan sempadan dan sistem pengawasan penyakit New Zealand yang terbukti antara yang paling ketat dan berkesan di dunia.

Justeru, Dr Rundi menekankan bahawa pengalaman New Zealand dalam menangani risiko penyakit melalui pemantauan bersepadu dan respons kecemasan yang pantas menjadi model penting yang boleh disesuaikan dalam konteks Sarawak.

Beliau menambah bahawa pengukuhan sistem biosekuriti merupakan faktor kritikal yang akan menentukan daya saing industri ternakan dan makanan negeri dalam pasaran serantau dan antarabangsa.

Usai pertemuan itu, delegasi Sarawak menghadiri beberapa sesi taklimat teknikal di Kementerian Industri Utama (MPI) New Zealand.

Taklimat tersebut disampaikan oleh pegawai kanan termasuk Jim Sim, Dr. Jed Johnson, Dr. Lia Missena

dan Glen Webber, yang menerangkan secara terperinci mengenai Perkhidmatan Pengesahan, Sistem Jaminan Halal dan Program Pengawasan Kesihatan Haiwan New Zealand.

Delegasi turut diberi pendedahan menyeluruh tentang bagaimana negara itu mengurus regulasi keselamatan makanan, bagaimana pensijilan halal dilaksanakan secara teliti serta bagaimana data pengawasan kesihatan haiwan dianalisis secara bersepadu bagi memastikan kebajikan haiwan dan kualiti makanan berada pada tahap terbaik.

Sesi ini membuka peluang kepada Sarawak untuk menilai pendekatan serupa dalam memperkukuh aspek kawal selia, penguatkuasaan serta pengurusan risiko dalam rantai makanan negeri.

Menurut Dr Rundi, keseluruhan rangka lawatan dan siri perbincangan dengan pihak New Zealand merupakan langkah strategik bagi mewujudkan kerjasama jangka panjang dalam penyelidikan ternakan, pembangunan kapasiti veterinar, pelaburan industri tenusu serta pengukuhan sistem biosekuriti negeri.

Beliau menegaskan bahawa Sarawak berada pada landasan yang kukuh untuk membangunkan sektor makanan dan komoditi yang memenuhi piawaian global melalui adaptasi teknologi, peningkatan kemahiran serta jalinan kerjasama antarabangsa.

Delegasi Sarawak turut disertai Timbalan Menteri M-FICORD, Datuk Martin Ben; Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Datuk Dr. Adrian Susin Ambud; Penolong Setiausaha Kanan, Liew Ju Jeng; Pegawai Veterinar Kanan, Dr. Sylie AlHarir; serta Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand, H.E. Mazita Marzuki, bersama Setiausaha Kedua, Adrina Zulkarnain.

Dr Rundi menegaskan bahawa kerjasama dengan New Zealand bukan sekadar perkongsian kepakaran, tetapi satu pelaburan jangka panjang dalam keselamatan makanan dan daya saing ekonomi negeri.

Dengan gabungan teknologi moden, amalan berasaskan sains dan sokongan dasar yang kukuh, Sarawak yakin dapat membina ekosistem pertanian yang lebih maju, berdaya tahan dan bersedia menghadapi cabaran global, sejajar dengan aspirasi menjadikan negeri itu hab pengeluaran makanan yang

mampan menjelang 2030.-
[SUARASARAWAK](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR